

22/11/2003

Dr Mahathir nasihat elak rebut kerusi Kubang Pasu

JITRA: Tun Dr Mahathir Mohamad mengingatkan ahli Umno supaya tidak merebut kerusi Parlimen Kubang Pasu bagi pilihan raya umum akan datang kerana tindakan itu boleh menjejaskan peluang mengekalkan kerusi berkenaan.

Bekas Perdana Menteri yang tidak akan mempertahankan kerusi itu pada pilihan raya akan datang, berkata perebutan untuk menjadi calon akan menimbulkan rasa tidak puas hati dan marah di kalangan ahli parti.

"Jika seorang itu berjaya melobi untuk menjadi calon, beliau akan berdepan risiko kehilangan sokongan dan tanpa itu, kerusi itu boleh hilang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai usaha melobi antara ahli Umno untuk menjadi calon bagi Parlimen Kubang Pasu.

Sambil mengakui melobi adalah perkara biasa, Dr Mahathir berkata apabila calon Barisan Nasional sudah ditetapkan, semua ahli perlu memberikan sokongan kepadanya.

"Bagi menjadi calon, seseorang itu perlu berdedikasi, ikhlas, mesra rakyat dan tidak terbabit dengan politik wang," katanya selepas menyampaikan sumbangan hari raya kepada 60 pesakit kanak-kanak dan wanita di Hospital Jitra, di sini.

Turut hadir, isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Mengenai sama ada terdapat calon tertentu dalam fikirannya, Dr Mahathir berkata: "Saya tak tahu, ia bukan hak saya untuk menentukannya."

Dr Mahathir juga berkata, walaupun tidak akan bertanding semula, beliau tetap akan membantu BN.

Sementara itu, berucap pada majlis berbuka puasa di Masjid Bandar Baru Darulaman, Dr Mahathir berkata, rakyat negara ini perlu menghargai keamanan dan tidak bertindak secara membuta tuli.

Sambil merujuk tindakan pengebom berani mati seperti di Turki, beliau berkata, langkah seperti itu tidak mendatangkan apa-apa kejayaan.

"Tindakan itu (keganasan) tidak membayangkan cara orang Islam menyelesaikan masalah kerana ia menyebabkan banyak kematian dan kecederaan. Tidak ada sesuatu yang menguntungkan," katanya.

Sebaliknya, Dr Mahathir berkata, tindakan seperti itu hanya akan memburukkan nama Islam dan membuatkan orang lain menganggap penganut agamanya sebagai ganas.

Pada majlis sama, Dr Mahathir turut menyampaikan sumbangan hari raya kepada 300 warga emas, ibu tunggal dan anak yatim dalam Dewan Undangan Negeri Jitra.

Beliau turut menerima kad ucapan terima kasih daripada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Pauh, Jitra.